

CNS0586

U GB 10-07 00163 BA296

Bah

Mahathir - Penswastaan

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Kerajaan amat berbangga dengan sambutan menggalakkan daripada orang ramai terhadap tawaran saham syarikat-syarikat yang diswastakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Ini menunjukkan bahawa rakyat telah menerima dasar penswastaan kerajaan sebagai satu langkah yang bijaksana,+ katanya ketika membentangkan usul Rancangan Malaysia Keenam (RME) di Dewan Rakyat hari ini.

Semasa penyenaaraian saham dibuat, kesemua syarikat yang diswastakan telah mendapat langganan yang berlebihan daripada jumlah yang ditawarkan, katanya.

Dengan mengambil Telekom Malaysia Berhad sebagai contoh, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pengapungan saham oleh syarikat-syarikat kerajaan itu telah memberi peluang kepada orang ramai yang memiliki saham dan mendapat keuntungan apabila harganya meningkat di bursa saham.

Katanya, Pelan Tindakan Penswastaan telah mengenal pasti 56 projek yang akan diswastakan dan 37 agensi yang akan dijual sahamnya dalam tempoh 1991 dan 1992 berbanding dengan 36 agensi yang telah diswastakan sehingga penghujung tahun 1990. -- Bernama.

♥10/07/18-36MST